

## ANALISIS TERHADAP *KITAB AL-AHKAM AL-SULTANIYYAH*: KE ARAH PEMBINAAN MODEL FIQH PEKERJAAN DI MALAYSIA

*Aina Wahana Dahlan*<sup>a\*</sup>, *Abdul Hanis Embong*<sup>b</sup>, *Najihah Abdul Mutalib*<sup>c</sup>, *Ismar Liza Mahani Ismail*<sup>d</sup>,

*Universiti Malaysia Terengganu*

<sup>a</sup> *p5408@umt.edu.my*

<sup>b</sup> *hanis.embong@umt.edu.my*

<sup>c</sup> *najihah.mutalib@umt.edu.my*

<sup>d</sup> *ismarhani@umt.edu.my*

*\*Corresponding Author*

### Article info

Received:  
23/02/2024  
Accepted:  
26/02/2024  
Online first:  
15/03/2024

Keywords:  
*employment jurisprudence;*  
*politics;*  
*law;*  
*religion;*  
*professional.*

DOI:  
[10.24191/JIPSF/v6n12024\\_19-31](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v6n12024_19-31)

### Abstrak

*Fiqh Pekerjaan adalah perbincangan tentang hukum-hakam Islam dalam pekerjaan. Setiap Muslim dituntut mencari rezeki bagi memudahkan urusan keperluan harian diri sendiri serta orang-orang dibawah tanggungan. Meskipun ramai yang berpandangan bahawa hanya bidang professional seperti pendidikan, perubatan dan perniagaan sahaja yang boleh meraih keuntungan yang tinggi dan menjadi kegilaan anak muda. Namun di sisi Islam, semua pekerjaan sama ada yang masyhur atau pun pekerjaan yang biasa semuanya akan dikira sebagai jihad. Justeru kajian ini adalah bertujuan untuk meneliti perbincangan hukum dan skop pekerjaan yang terkandung dalam Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah dan pengaplikasiannya di Malaysia. Penulis Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah, Abu al-Hassan Ali bin Muhammad bin Habib Al-Mawardi merupakan tokoh sains politik dan ahli fiqh Islam. Justeru, penelitian awal dalam kajian ini adalah bagi menganalisis elemen-elemen dalam hukum-hakam bekerja yang signifikan dan terdapat juga rumusan bagi beberapa isu ketika bekerja di Malaysia. Seterusnya, kertas kerja ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif manakala data adalah bersumberkan kitab pilihan, buku, tesis, jurnal, artikel dan portal rasmi yang membincangkan tentang fiqh pekerjaan. Kemudian analisis kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa hak-hak pekerja Muslim dalam kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah adalah selari dengan hak dalam pekerjaan yang telah ditetapkan di Malaysia. Bahkan terdapat beberapa kriteria dan nilai pekerja Muslim dalam kitab yang juga bersesuaian dengan kriteria profesional pekerja di Malaysia.*

---

## ANALYSIS OF THE BOOK *AL-AHKAM AL-SULTANIYYAH*: TOWARDS THE DEVELOPMENT OF A MODEL OF EMPLOYMENT JURISPRUDENCE IN MALAYSIA

---

### *Abstract*

*Employment Jurisprudence is a debate about Islamic laws in employment. Every Muslim is required to find sustenance to facilitate the daily needs of themselves and their dependents. Although many people think that professional fields such as education, medicine and business are the only ones that can enjoy high salaries. But on the Islamic side, all jobs, whether they are famous or ordinary jobs, will all be counted as jihad. Therefore, this study aims to examine the legal discussion and scope of work contained in Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah and its application in Malaysia. The author of Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah, Abu al-Hassan Ali bin Muhammad bin Habib Al-Mawardi is a figure in political science and Islamic jurisprudence. Therefore, the initial research in this study is to analyze the elements in the significant employment laws and there is also a formulation for some issues when working in Malaysia. Next, this paper uses a qualitative research design while the data is sourced from selected books, books, theses, journals, articles and official portals that discuss occupational jurisprudence. Then the analysis of this study uses the method of content analysis. The results of the study found that the rights of Muslim workers in the book al-Ahkam al-Sultaniyyah are parallel to the rights in employment that have been set in Malaysia. There are even some criteria and values of Muslim workers in the book that are also in line with the professional criteria of workers in Malaysia.*

*Keywords: employment jurisprudence; politics; law; religion; professional.*

### **PENGENALAN**

Secara asasnya, bekerja merupakan sebahagian daripada fitrah manusia bagi meneruskan kelangsungan hidup. Allah SWT telah mewujudkan sifat suka untuk melakukan pekerjaan dan mencintai ganjaran daripada hasil kerjanya dalam diri setiap insan (Solahuddin dan Zarrina, 2018). Berbekalkan sifat ini manusia akan berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan tugas bagi menyara diri, memenuhi keperluan keluarga serta membantu orang lain. Bahkan, setiap individu yang mempunyai kemampuan daripada segi mental dan fizikal seharusnya bekerja dengan memaksimumkan penggunaan ilmu, harta, kemahiran dan potensi diri untuk memmanifestasikan kebaikan buat umat sejagat (Ajib Ismail, 2021).

Tambahan lagi dalam agama Islam apa-apa pekerjaan yang diniatkan kerana Allah, ia akan dikira sebagai ibadah dan jihad. Justeru itu, semua pekerja Muslim perlulah mematuhi etika daripada majikan sekaligus memenuhi etika keagamaan agar setiap amalan yang dilakukan mencapai keredaanNya (Sarina Aini & Fadillah Mansor, 2007). Maka jelaslah dalam pekerjaan, setiap Muslim perlu mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah dan majikan. Malah setiap individu yang bekerja sama ada pekerja lelaki atau perempuan, seharusnya mengetahui dan memenuhi hak dan tanggungjawab yang digalas.

Antara ciri pekerja bertanggungjawab yang dituntut dalam Islam adalah pekerja yang mengamalkan akhlak-akhlak yang mulia (Shaik Abdullah Hassan Mydin et al., 2020). Maka sewajarnya individu yang bekerja mempraktikkan empat akhlak utama Rasulullah SAW dalam usaha membentuk diri bagi menjalankan tugas dengan sempurna. Empat akhlak tersebut ialah siddiq, amanah, tabligh dan fatanah (Nurhidayah Marzuki, 2015). Pengaplikasian empat sifat Nabi SAW dalam memainkan peranan sebagai seorang pekerja merupakan satu usaha untuk menjadi pekerja yang cemerlang.

Sehubungan itu, hukum hakam dalam pekerjaan seperti hak dan tanggungjawab pekerja Muslim perlulah diteliti agar mencapai matlamat dalam Islam. Kewajiban yang ditanggung oleh pekerja seharusnya dipenuhi selari dengan piawaian yang telah ditetapkan oleh sebuah organisasi dan lebih khususnya berlandaskan hukum hakam Islam. Malah etika atau moral baik yang perlu diterapkan dalam diri individu yang bekerja, bukan hanya sebagai seorang pekerja bahkan mereka mestilah memainkan peranan sebagai seorang Muslim. Maka seharusnya sahsiah yang dibawa adalah menepati batasan dan kriteria yang seiring dengan kedua-dua elemen tersebut. Oleh itu, kajian fiqh pekerjaan merujuk kepada

---

kitab khusus *Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah* dilakukan bagi membahaskan hukum hakam bekerja yang terkandung dalam kitab.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Etika Kerja**

Kajian etika dan moral berdasarkan agama Islam telah banyak dilakukan secara umum mahupun khusus dalam konteks pekerjaan. Justeru kajian-kajian etika juga telah menyebutkan dan menyenaraikan sifat-sifat mahmudah yang perlu diterapkan oleh individu yang bekerja.

Kajian Razaleigh Kawangit (2014), dan Nurhidayah Marzuki (2015), menyebutkan bahawa etika kerja secara umumnya merupakan cara kerja, adat resam dan tata tertib kerja yang dikuatkuasakan oleh seorang pemimpin. Etika kerja juga merangkumi sifat peribadi dan dalaman setiap pekerja yang memberi dorongan kepada tingkah laku yang baik. Selain itu, Razaleigh Kawangit (2014) dan Armansyah Walian (2013) menyatakan nilai dan amalan interpersonal adalah sifat mahmudah antara manusia sesama manusia dan manusia dengan Allah SWT seperti sifat amanah dan tanggungjawab. Sebagai contoh dalam sesuatu pekerjaan, manusia dituntut untuk tetap amanah meskipun tanpa pemantauan manusia kerana adanya pemantauan Allah SWT. Sehubungan itu menurut Armansyah Walian (2013), sifat lain yang perlu ada dalam diri individu yang bekerja adalah ketekunan kerana sifat ini mampu meningkatkan kemampuan menjalankan tugas. Selain itu, bekerja dengan semangat kerjasama dan musyawarah juga dituntut kerana ia membantu dalam mewujudkan suasana kerja yang aman serta dapat membentuk hasil kerja yang baik.

Menurut Mumtaz Begam Abdul Kadir (2010), agama Islam sangat menitikberatkan tentang akhlak. Etika kerja menurut agama Islam pula dicipta bagi membentuk akhlak yang mulia. Antara ciri-ciri individu yang mengamalkan etika kerja Islam adalah mereka yang bekerja dengan tekun dan cekap kerana ketekunan dalam sesuatu pekerjaan akan meningkatkan kecekapan sesuatu pekerjaan tersebut. Ciri seorang pekerja yang beretika juga adalah yang bekerja dengan ikhlas dan amanah. Bahkan mereka bekerja dengan kesyukuran iaitu yang disertakan dengan doa yang baik agar terhindar daripada pengaruh yang membawa kepada kerosakan dan kejahatan. Pekerja yang beretika juga akan menjalankan pekerjaan dengan menghargai masa, permuafakatan, dan memiliki kepercayaan yang kuat antara pemimpin dan organisasi yang lain.

Kajian daripada Arifin Zainal (1985), mendapati bahawa dalam al-Quran telah menyebutkan mereka yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti secara bersungguh-sungguh juga merupakan tanggungjawab sebagai seorang Muslim bagi meningkatkan ekonomi kehidupan. Justeru, umat Islam juga dituntut untuk menghasilkan pengeluaran melebihi keperluan bagi menolong dan berkongsi rezeki bersama orang lain melalui sumber zakat dan sebagainya. Konsep persaudaraan, keadilan, kesederhanaan, amanah dan dedikasi adalah antara konsep etika kerja dalam Islam.

### **Kajian Terhadap Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah**

Kitab *al-Ahkam al-Sultaniyyah* ini merupakan sebuah kitab mengenai pemerintahan, pentadbiran dan kekuasaan kerajaan Islam. Dalam bahagian ini, penyelidik menemukan dua elemen iaitu pemikiran politik dan etika kepimpinan. Menurut Rashda Diana et al. (2018); Muhammad Amin (2016) dari sudut pemikiran politik, sebuah kerangka politik telah berjaya ditulis oleh *al-Mawardi* dengan penyusunan yang teratur tentang tindakan yang perlu ada dalam sesebuah pemerintahan. Manakala Rashda Diana et al. (2018), *al-Mawardi* mengaplikasikan kerangka teori berdasarkan prinsip hukum Islam dalam pemikiran politik yang digunakan. Justeru itu, menurut Muhammad Amin (2016), elemen yang dibahaskan seperti ketentuan dalam pelantikan seorang khalifah, tugas-tugas khalifah, pejabat negara serta hubungan negara dengan rakyat. Menurut Muhammad Hazim Ahmad (2018), Al-Mawardi bukanlah ulama pertama yang membincangkan tentang teori politik Islam namun beliau adalah ulama pertama yang menghimpunkan kesemua perbincangan ulama Salaf dan perundangan dari nas-nas syarak berkaitan dengan politik, pentadbiran dan pengurusan negara Islam.

Dari sudut etika kepemimpinan pula, menurut Mohd Rumaizuddin Ghazali, (2012); Rashda Diana et al. (2018); Shukeri Muhammad (t.t) kepemimpinan yang cemerlang dalam sebuah kerajaan mahupun organisasi-organisasi adalah dipengaruhi oleh etika yang baik bagi memakmurkan dan mewujudkan kesejahteraan negara. Manakala menurut Mohd Rumaizuddin Ghazali (2012), terdapat tiga pendekatan dalam proses kepemimpinan menurut kitab *al-Mawardi* yang pertama nilai etika menerusi tugas seorang pemimpin; kedua, melalui aspek karakter dan ciri-ciri pemimpin; ketiga, mengkaji aspek etika berdasarkan nilai etika yang diterapkan oleh *al-Mawardi* sendiri dalam kitabnya.

Justeru itu, *Al-Mawardi* berpandangan bahawa negara terkait rapat dengan agama bagi meneruskan misi kenabian iaitu memelihara negara dan mengatur dunia yang berhubungan secara simbiotik (Rashda Diana et al., 2018 dan Shukeri Muhammad, t.t). Justeru itu, seorang pemimpin seharusnya mempunyai sesuatu yang positif untuk disumbangkan kepada masyarakat Islam. Dia menyatakan lebih daripada satu kali bahawa pemimpin berperanan dalam menegakkan hukum Islam serta perkara yang disarankan dalam agama (Ahmad Mubarak al-Baghdadi, 1981).

Malah menurut Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin (2012) bahawa golongan bukan Muslim juga tidak terkecuali untuk menyertai pentadbiran sesebuah negara Islam. Antara jawatan yang boleh dijabat adalah sebagai *wazir al-tanfidih* (menteri pelaksana), *qadi* (hakim), *naqib* keturunan (ketua suku dan jawatan-jawatan lain. Kajian ini membuktikan bahawa agama Islam bukanlah satu agama yang menindas atau bersikap diskriminasi ke atas agama lain bahkan kajian juga menjadi rujukan dalam melestarikan lagi hubungan di antara Muslim dan bukan Muslim.

Berdasarkan kepada kajian di atas, penyelidik mendapati masih belum terdapat lagi kajian hukum hakam pekerja oleh mana-mana penulis yang bersandarkan kepada Kitab *al-Ahkām al-Sultāniyyah*. Namun kitab ini ada menyebutkan tentang kepemimpinan yang dilihat mampu memberikan gambaran dan idea kepada kajian fiqh pekerjaan. Justeru, terdapat satu kajian yang dilakukan berkaitan dengan nilai-nilai universal yang mendorong kepada pembentukan karakter dan moral masyarakat berpandukan kitab *al-Mawardi*. Nilai yang terkandung dalam kitab ini bertepatan dalam agama iaitu menuntut seseorang untuk melakukan kebaikan (Alfoe Niam Alwie, t.t). Oleh itu, kitab *al-Mawardi* ini jelas menepati elemen-elemen sosial yang berlandaskan kepada al-Quran dan Hadith. Maka ia memberi manfaat sama ada kepada seorang pemimpin atau sebagai hamba Allah SWT di atas muka bumi.

## METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif. Kajian ini menggunakan sumber daripada bahan bercetak iaitu kajian perpustakaan bagi mendapatkan data. Data yang berkaitan dalam kajian ini pula adalah melalui bahan bertulis iaitu daripada sumber petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman dan kes sejarah (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Justeru, data primer yang digunakan dalam kajian ini adalah merujuk kepada *Kitab al-Ahkām al-Sultāniyyah*. Seterusnya, penyelidik menggunakan kaedah analisis kandungan bahan cetakan yang membincangkan terhadap skop pekerjaan.

## PERNYATAAN MASALAH

Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan kaum Melayu merupakan kaum yang terbesar dibandingkan dua kaum utama yang lain iaitu Cina dan India. Negara Malaysia terkenal dengan budaya masyarakat yang penuh kesopanan dan mempunyai tata susila yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa didikan berakhlak telah pun diterapkan dalam masyarakat. Bahkan tuntutan akhlak yang mulia ini merupakan perhiasan yang paling bernilai dan tinggi di sisi Islam. Justeru, orang-orang yang berakhlak mulia adalah orang-orang yang mempunyai nilai tanggungjawab yang tinggi dalam tingkah laku peribadi dan juga masyarakat.

Tuntutan berakhlak mulia dan peribadi yang baik amatlah ditekankan dalam semua aspek kehidupan termasuklah dalam pekerjaan. Jika diselusuri, isu semasa yang berlaku di Malaysia berkait dengan hak dan tanggungjawab pekerja, dilihat masih lagi tidak memuaskan. Sebagai contoh isu disiplin, isu majikan, isu wanita bekerja dan isu bekerja ketika terjadi sesuatu wabak. Bagi isu disiplin, terdapat

pekerja terlibat dalam kes ponteng atau curi tulang ketika waktu bekerja. Selain itu, budaya minum di luar sehingga mengabaikan tanggungjawab kerja telah lama dibahaskan. Ia bukan lagi satu perkara kecil apabila berkait dengan tugas yang melibatkan orang awam. Undang-undang yang diperketatkan hanya bertahan pada tempoh tertentu dan kemudian kesalahan yang sama diulangi oleh segelintir pekerja. Lebih dari itu, terdapat jua pekerja yang terbabit dengan salah laku penyalahgunaan dadah, tidak hadir bertugas dan penipuan dokumen telah dikenakan tindakan buang kerja (Nazdy Harun, 2022). Hal ini membuktikan bahawa adanya keperluan pada amalan fiqh bagi menanganai isu disiplin yang berlaku.

Manakala, bagi isu majikan pula dilihat banyak kes yang berlaku kerana sikap majikan yang tidak mengamalkan sifat-sifat mahmudah sebagai contoh, sebuah kilang di Klang telah disiasat oleh Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia kerana melarang pekerja yang beragama Islam untuk menunaikan solat pada waktu bekerja (Halina Mohd Noor et al., 2019). Begitu juga isu majikan memukul pekerja dengan senjata hanya semata-mata kerana berpuasa di bulan Ramadan (Azlim Zainury, 2021).

Seterusnya isu wanita yang bekerjaya ketika keluar rumah, dilihat masih pada tahap kurang memuaskan iaitu dari segi penjagaan aurat, pergaulan serta hukum ketika bermusafir atas sebab pekerjaannya. Kementerian Sumber Manusia mendapati 13 syarikat hotel yang menetapkan larangan bertudung bagi pekerja wanita (Fahmi Azril, 2018). Krisis penjagaan syariat dan penampilan diri wanita lebih ketara apabila melibatkan pekerjaan yang mencabar dan dimonopoli oleh kaum lelaki (Naemah Hamzah, 2015).

Disamping berlaku masalah yang dihadapi ketika keadaan normal, berlaku juga masalah ketika keadaan kritikal apabila berlakunya sesuatu wabak seperti penyakit taun, wabak denggi, wabak H1N1 dan Covid-19. Dalam sektor pekerjaan, norma baharu seperti konsep Bekerja Dari Rumah (BDR) ini sedikit sebanyak telah menerima pelbagai reaksi daripada masyarakat termasuklah tanggapan negatif terhadap pekerja yang mengabaikan tugas, baik dari sudut pendidikan mahupun perkhidmatan sosial. Ramai dalam kalangan majikan dan pekerja sebelum ini yang tidak bersedia namun terpaksa menghadapinya kerana tiada pilihan. Terdapat pekerja yang tidak memahami konsep sebenar BDR, sebaliknya menyifatkan situasi tersebut sebagai tempoh untuk bercuti dan duduk di rumah sehingga mengabaikan tanggungjawab sebagai pekerja (Zubir Sulaiman, 2020).

Antara faktor berlakunya isu-isu di atas adalah kerana ceteknya pengetahuan agama dan juga terlalu banyak pertikaian (khalaf) berkaitan fiqh Islam yang dikira ketinggalan zaman oleh masyarakat Islam (Rahimin Affandi et al., 2010). Perkara ini adalah disebabkan oleh pengaruh pemikiran barat dan penghasilan kajian-kajian tentang hukum-hakam Islam yang disesuaikan dengan cita rasa barat dan tafsiran moden (Naemah Hamzah, 2015). Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti konsep bekerja yang terdapat dalam kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah. Kajian ini juga dilakukan sebagai penelitian awal terhadap perbahasan hukum-hakam bekerja khususnya dalam bidang politik Islam.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

### **Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah**

al-Ahkam al-Sultaniyyah ialah kata nama khas bagi sebuah kitab iaitu al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah atau dalam bahasa Melayunya Hukum-hakam Pemerintahan dan Kekuasaan dalam Islam. Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah yang diterbitkan pada tahun 1989 ini dikarang oleh Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardi al-Basri Asy-Syafi'i. Al-Mawardi dilahirkan pada tahun 364H di Basrah, kemudian berpindah ke Baghdad. Beliau meninggal dunia di Baghdad pada tahun 450H, semasa umurnya 86 tahun. Beliau adalah salah seorang daripada ulama besar mazhab Syafi'i. Beliau juga pernah dianugerahkan pangkat hakim tertinggi di zamannya dan pernah menjadi hakim di kebanyakan daerah di Baghdad.

Menurut Hazim Ahmad (2018), tema utama kitab ini berkaitan sistem pemerintahan, pentadbiran dan kekuasaan menurut pandangan hukum syarak. Kitab ini mengandungi 20 bab keseluruhannya iaitu bersamaan 390 halaman dan isi kitab ini dapat dibahagikan kepada dua topik. Topik pertama bermula

bab satu sehingga bab tiga adalah tentang teori politik dan pemerintahan sesebuah negara dalam Islam. Topik kedua pula adalah berkaitan dengan kaedah-kaedah utama dalam pentadbiran umum dan kerajaan bagi sesebuah negara. Laras bahasa yang digunakan dalam penulisan juga adalah di tahap sederhana bagi memudahkan pembaca untuk memahami kandungan.

Seterusnya, kitab ini ditulis sepenuhnya dalam bahasa Arab. Namun menurut Rumaizuddin Ghazali et al. (2012), yang telah memetik petikan kata daripada Ahmad (1984), kitab ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh Orientalis Jerman yang bernama Enger pada tahun 1853M bagi mengkaji tentang pemikiran politik Islam. Justeru itu, terdapat terjemahan ke dalam bahasa Melayu yang bertujuan memberi manfaat dan pengetahuan kepada pembaca tentang hak dan kewajiban individu untuk diaplikasikan dalam kehidupan (Abdul Hayyie dan Kamaluddin Nurdin, 2000)

Tujuan utama penulisan kitab ini adalah bagi memenuhi kehendak pemerintah pada zamannya dengan mengetahui pendapat aliran-aliran mazhab fiqh supaya tanggungjawab dapat ditunaikannya serta dapat menegakkan keadilan dalam pelaksanaan serta hukuman pemerintahan dan tindak-tanduk mereka (Asadullah Yate, t.t). Maka gaya penulisan secara koparatif membantu penulis mencari data dan menambah pengetahuan dengan lebih cepat serta menyesuaikan pandangan dengan situasi sama ada dalam norma biasa atau norma baharu.

Terdapat ramai penulis moden Islam dan bukan Islam yang bersetuju dengan pernyataan bahawa kepimpinan beretika adalah faktor utama mencapai piawaian kepimpinan yang cemerlang (Rumaizuddin Ghazali et al., 2012). Bahkan setiap individu adalah bertanggungjawab dalam memimpin diri sendiri agar menjadi insan yang berjaya dan cemerlang dalam segala aspek. Justeru itu, penyusunan dan perbincangan kitab al-Mawardi ini dilihat memiliki komponen yang sesuai dengan objektif kajian.

### 1. Hak-hak dalam pekerjaan

Pengertian hak secara umumnya ialah kebenaran dan berlawanan dengan kebatilan. Perkataan hak juga dapat dilihat dalam beberapa ayat al-Quran dengan makna yang berbeza, seperti mana dalam surah al-Ma'arij ayat 24 dan ayat 25. Sementara, hak menurut perspektif Islam pula terkait dengan kewajiban dan tsubut iaitu tetap atau kukuh sebagaimana firman Allah SWT:

لَقَدْ حَقَّ الْقَوْلُ عَلَىٰ أَكْثَرِهِمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: Sungguh, pasti berlaku perkataan (hukuman) terhadap kebanyakan mereka, karena mereka tidak beriman.

(Surah Yasin, 36: 7)

Ayat di atas memberi peringatan tentang hak dan kebenaran bahawa matinya orang yang tidak beriman itu adalah mati dalam kekufuran. Justeru, ayat ini menerangkan bahawa mereka yang tidak beriman, pasti atau wajiblah dikenakan azab oleh Allah SWT (al-Qurtubi, 2007).

Dalam konteks pekerjaan hak-hak sering dikaitkan dengan tanggungjawab dimana tanggungjawab merupakan satu amanah yang perlu dilaksanakan oleh pekerja tersebut. Jadi barang siapa yang tidak amanah dalam melakukan tugasannya akan dianggap satu pengkhianatan (INTAN, 1996). Justeru itu, tanggungjawab dalam pekerjaan yang digalas tidak menggugurkan tanggungjawab utama yang sudah sedia ada iaitu tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Oleh itu, kewajiban sebagai seorang hamba Allah SWT perlulah ditunaikan seperti mana yang telah ditetapkanNya. Allah berfirman tentang kewajiban bagi menunaikan amanah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنِيَكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui.

(Surah Al-Anfal, 8: 27)

Jumhur ulama berpendapat bahawa, walaupun ayat ini diturunkan atas sebab yang khusus, namun ulama mengatakan bahawa ayat ini mengandungi keumuman lafaz. Maka sebarang perbuatan yang melanggar daripada kebaikan adalah dikira sebagai satu bentuk perbuatan khianat sama ada kecil atau besar serta berisiko pada diri sendiri mahupun kepada orang lain. Justeru itu, Allah melarang mereka yang berkhianat kepadaNya dan RasulNya seperti mana yang dilakukan oleh orang-orang munafik. (Ibnu Katsir, 2006)

Tanggungjawab juga membawa maksud perintah atau suruhan yang membebaskan, memenatkan, menyukarkan dan menyulitkan seseorang. Meskipun begitu, jaminan Allah SWT berkaitan dengan beban yang ditanggung oleh seseorang individu itu adalah tidak melebihi batas kemampuan. Bahkan ia merupakan satu bentuk kasih sayang Allah SWT melalui ujian yang diberikanNya, firman Allah SWT:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya.

(Surah al-Baqarah, 2: 286)

Ayat ini menerangkan bahawa Allah tidak akan sama sekali membebani hambaNya dengan perkara yang diluar kemampuan. Justeru itu, ia merupakan bentuk kasih sayang, kelembutan dan kebaikan Allah SWT terhadap makhlukNya. Bebanan disini adalah sinonim dengan tanggungjawab (Ibnu Katsir, 2003).

Kemudian, hak dalam pekerjaan dipecahkan kepada tiga bahagian. Ketiga-tiga hak ini perlu dipenuhi supaya memperoleh keberkatan dalam pencarian rezeki. Hak pertama adalah terkait dengan Allah SWT; kedua, hak terkait dengan majikan; ketiga, hak yang terkait dengan pekerja. Penjelasan penuh seperti berikut:

a) Hak pertama adalah terkait dengan Allah SWT

Hak yang paling utama dalam pekerjaan adalah melibatkan niat atau tujuan seseorang itu melibatkan diri dalam profesion yang dipilih. Hal ini kerana setiap detik dan masa yang dikurniakan kepada hambaNya di atas dunia akan dipersoalkan di akhirat kelak dan amalan-amalan yang diterima hanyalah amalan yang dilakukan ikhlas kerana Allah SWT. Jadi walaupun secara zahirnya seseorang itu melaksanakan tugas kerja di dunia dengan mendapatkan hasil atau ganjaran, namun secara tidak langsung ia telah memberatkan amalannya di akhirat apabila bekerja dengan niat yang betul.

Kemudian dalam kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah ada menyebutkan tentang hak yang terkait dengan Allah SWT dalam medan peperangan. Antara hak yang disebutkan berkaitan dengan ketetapan niat para mujtahid dalam peperangan adalah untuk membela agama Allah SWT dan mengalahkan agama-agama lain. Bahkan mereka tidak boleh meniatkan peperangan itu semata-mata untuk mendapatkan rampasan perang. Dalam konteks umum dapat disimpulkan bahawa, pekerja Muslim tidak boleh meniatkan pekerjaan hanya untuk mendapatkan hasil atau upah sebaliknya niat utama yang perlu ditanam adalah bekerja kerana Allah SWT.

b) Hak terkait dengan majikan

Dalam kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah menyebutkan tentang hak-hak yang terkait dengan pemimpin iaitu hak kepada panglima jihad di medan perang. Antara hak yang dinyatakan adalah kepatuhan dan kesetiaan. Meskipun dalam kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah tuntutan ini adalah khusus untuk panglima jihad namun ia juga boleh diguna pakai secara umum dalam pelbagai sektor alam pekerjaan terutama kepada majikan. Hal ini kerana majikan merupakan ketua atau pemimpin yang berkuasa dalam sebuah syarikat atau organisasi tertentu.

Sehubungan itu, menjadi kewajiban bagi pekerja untuk mematuhi segala arahan majikan selagi mana ia tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam serta memberikan kesetiaan sepanjang perkhidmatan. Sementara majikan dilarang melakukan apa-apa tindakan berbentuk zalim kepada pekerja seperti mengurangkan gaji atau menambah pekerjaan melebihi kesepakatan.

c) Hak yang terkait dengan pekerja

Setiap pekerja berhak menuntut hak-hak yang telah ditetapkan daripada majikan. Hak-hak pekerja secara umumnya adalah dari sudut kemudahan kesihatan, tidak membebankan pekerja dengan perkara yang diluar kemampuannya, tidak melarang pekerja untuk berpersatuan dalam memperjuangkan hak-hak mereka dan membayar gaji seperti mana yang dijanjikan (Portal Rasmi Pejabat Mufti wilayah Persekutuan, 2019). Kesemua hak ini boleh dituntut oleh pekerja daripada majikan sekiranya tidak ditawarkan dan tidak disempurnakan dengan sebaiknya.

Dalam Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah mengatakan bahawa mana-mana pekerja yang meminta agar dinaikkan gaji dan mengurangi pekerjaan yang sepatutnya dilakukan, tindakan itu adalah dilarang. Justeru sekiranya hak-hak umum pekerja tidak ditunaikan, pekerja boleh melakukan aduan kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan kerana perbuatan yang membebani dan memudharatkan pekerja adalah dilarang di sisi Islam.

## 2. **Kriteria pekerja yang menjadi tuntutan**

Dalam Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah ada menyebutkan tentang kriteria-kriteria yang menjadi tuntutan menurut Islam bagi seseorang yang terlibat dalam pekerjaan. Meskipun sifat-sifat ini adalah khusus menyentuh pekerjaan dalam bidang kepolitikan seperti ahli dewan pemilih, ahli dewan imam dan ahli menteri, namun sifat-sifat ini juga secara tidak langsung boleh dikategorikan sebagai sifat-sifat wajib yang perlu ada dalam diri setiap pekerja Muslim. Antara kriteria-kriteria yang disebutkan adalah seperti berikut:

### a) Adil

Konsep keadilan membawa pengertian yang luas serta boleh melibatkan seluruh aspek kehidupan manusia. Sifat ini juga bukan hanya tuntutan bagi ketua dan pemimpin sahaja bahkan ia menjadi tuntutan bagi setiap individu Muslim. Adil adalah sifat yang berlawanan dengan sifat fasiq iaitu sesuatu yang menyimpang daripada kebaikan dan cenderung kepada kemungkaran (Nur Ezzati Anizam et.al, 2023). Maksud adil juga diterangkan dalam al-Quran iaitu lawan dari sifat zalim (Wahbah Al-Zuhaili, 2007). Dalam undang-undang negara, kesaksian orang fasiq adalah tidak diterima. Allah SWT berfirman tentang suruhan agar sentiasa berhati-hati apabila menerima setiap berita:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْحِرُوا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini (dengan sebab kejahilan kamu mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

(Surah al-Hujurat, 49: 6)

Dalam ayat ini, Allah SWT telah memerintahkan supaya orang-orang Mukmin memeriksa dengan teliti setiap berita yang diterima daripada orang-orang fasik. Hal ini kerana orang-orang fasik disifatkan sering berdusta dan berbuat perkara yang bercanggah dengan perkara kebaikan terutamanya dalam urusan kewangan (Ibnu Katsir, 2003).

Sehubungan itu, sifat adil menjadi tuntutan bagi setiap pekerja kerana sifat ini dapat mengelakkan seseorang daripada terjerumus dengan sifat mazmumah iaitu pilih kasih. Sebagai contoh ketika sisi temuduga bagi mencari pekerja baru dalam sebuah organisasi, sifat adil membantu panel penemu duga melakukan keputusan untuk memilih dan menilai pekerja yang tepat dan sesuai dengan syarat-syarat yang ditentukan.

### b) Berilmu

Ilmu atau dalam bahasa Arabnya iaitu al-‘Ilm yang membawa maksud pengetahuan tentang sesuatu kajian secara jelas tanpa kesamaran. Sementara ilmu dari sudut istilah pula adalah sesuatu pengetahuan yang memberi makna terhadap kebenaran daripada Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi serta



RasulNya dan juga makhluk ciptaanNya termasuklah manusia. Oleh kerana itulah, ia menjadi satu alasan mengapa Allah menciptakan manusia sebagai khalifah di atas muka bumi. Dengan adanya akal manusia dan ilmu yang dikurniakan, manusia mampu untuk memakmurkan bumi dan berpotensi untuk berfikir serta mencari ikhtiar dalam menguruskan kehidupan mereka (Zakaria Stapa et.al, 2012). Justeru Allah SWT juga telah memberitahu perbezaan antara orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: Katakanlah lagi (kepadanya): “Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?” Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.

(Surah al-Zumar, 39:9)


Ayat ini menjelaskan perbezaan antara orang yang berilmu dan orang yang sebelumnya iaitu orang yang telah disesatkan daripada kebenaran dan menyesatkan orang dari jalanNya. Kemudian ayat ini juga menggambarkan bahawa hanya orang yang dikurniakan Allah SWT ilmu pengetahuan serta akal fikiran sahaja yang boleh membezakan kedua-dua golongan tersebut (Ibnu Katsir, 2003).

Oleh itu, setiap pekerja seharusnya memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dalam bidang yang diceburi agar keahliannya tidak diragui serta dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Sementara pekerja yang kurang berpengalaman perlulah terus mempelajari dan memiliki azam yang tinggi untuk mahir dalam pekerjaan supaya boleh melaksanakan pekerjaan dengan cemerlang.

#### c) Bijaksana

Bijaksana yang diertikan dalam pekerjaan adalah satu sifat yang menjadikan seseorang itu melakukan pekerjaan dengan penuh tanggungjawab dan keberanian. Dalam kata yang lain bijaksana adalah mereka yang mampu membuat keputusan dengan menggunakan akal yang waras dan penuh berhati-hati. Sifat ini sangat penting lebih-lebih lagi apabila berdepan dengan permasalahan yang berbangkit di tempat kerja dan memerlukan solusi yang segera. Maka sewajarnya setiap pekerja memiliki sifat bijaksana untuk menyelesaikan perkara atau cabaran ketika bekerja.

Secara keseluruhannya, berdasarkan Kitab al- Ahkam al-Sultaniyyah penyelidik menemui dua tema utama yang boleh dikaitkan dengan pekerjaan iaitu hak-hak dalam pekerjaan dan kriteria-kriteria pekerja yang dituntut dalam Islam. Bagi hak-hak dalam pekerjaan dipecahkan kepada tiga jenis iaitu yang terkait dengan Allah SWT, majikan dan juga pekerja. Manakala untuk kriteria pekerja pula secara umum yang dituntut adalah sifat adil, berilmu dan bijaksana. Dapatan kajian ini dijelaskan dalam rajah di bawah:



**Rajah 1:** Dapatan kajian

Justeru di Malaysia, terdapat satu badan institusi yang berfungsi bagi membangunkan modal insan sektor awam yang kompeten melalui pembelajaran berkualiti yang dinamakan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Institusi ini telah menyenaraikan beberapa nilai dan etika bagi penjawat awam sebagai panduan bekerja dalam perkhidmatan awam seperti rajah di bawah:



**Rajah 2:** Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam

Sumber: INTAN (1996), *Citra Karya Falsafah, Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam*. Cet.2., Kuala Lumpur: INTAN, h. 57.

Secara umumnya, enam nilai di atas adalah amat penting dan perlu ditanam dalam diri setiap pekerja kerana nilai-nilai inilah yang akan meningkatkan kualiti sebagai seorang pekerja. Justeru tiga sifat yang terdapat dalam kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah juga termasuk dalam nilai-nilai yang telah disebut dimana sifat adil dan bijaksana adalah di bawah nilai peribadi asas yang memberi aura atau peribadi yang unggul sebagai pekerja yang berwibawa. Kemudian sifat berilmu adalah dibawah nilai profesional yang juga seharusnya ada pada setiap pekerja.

Tambahan lagi, etika kerja yang digariskan kepada setiap pekerja telah ditetapkan oleh setiap organisasi yang berkuasa sebagai panduan. Contohnya Pejabat Perdana Menteri telah memasukkan sepuluh nilai etika yang didukung antaranya amanah, Integriti, bertanggungjawab, kecemerlangan, taat setia, komitmen, dedikasi, berdisiplin, kerajinan dan Profesional (Pejabat Perdana Menteri, t.t). Hal ini menunjukkan bahawa nilai atau etika yang diterapkan adalah bersifat positif serta membawa kepada kebajikan bersama seperti yang dianjurkan dalam Islam.

Bukan hanya itu, etika-etika lain turut disertakan dalam organisasi khususnya dalam pekerjaan seperti etika pergaulan dan etika pakaian. Etika pergaulan di Malaysia yang mesti diamalkan oleh pekerja khususnya penjawat awam, Jabatan Perdana Menteri ada menyebutkan batas pergaulan (Unit Integrity JPM, 2023). Etika pergaulan yang disebutkan iaitu; pertama, serius dalam pertemuan; kedua, menahan pandangan; ketiga, menghindari khalwat; keempat, menghindari pertemuan lama yang berulang. Etika ini seharusnya didedahkan dan perlu diamalkan di tempat kerja agar pekerja terhindar daripada gangguan seksual dan seangkatan dengannya.

Terdapat kod etika pemakaian yang diaplikasikan di setiap tempat kerja, namun ia hanyalah sekadar satu garis panduan pemakaian formal dalam negara tanpa ada elemen islamik yang menjadi sandaran buat pekerja Muslim. Antara etika pemakaian yang ditetapkan bagi penjawat awam di Malaysia iaitu pemakaian baju batik pada Hari Khamis, pemakaian Baju Melayu bagi lelaki pada setiap Hari Jumaat dan pemakaian Baju Kebangsaan bagi pekerja wanita. Justeru itu, terdapat satu larangan dalam etika pemakaian yang dilihat menepati syariat Islam iaitu larangan memakai pakaian yang menjolok mata (Kementerian Wilayah Persekutuan, 2019).

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada perbincangan dalam konteks pekerjaan menurut kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah, penyelidik mendapati bahawa kandungan kitab berkaitan dengan pekerjaan adalah selari dengan pengaplikasiannya di Malaysia. Justeru itu, kesedaran nilai agama dalam setiap amal terutamanya pekerjaan perlulah diambil cakna. Implikasi daripada kesedaran inilah yang akan melahirkan pekerja yang bukan hanya berkualiti di Malaysia malah berkualiti dari sudut agama. Dengan menanamkan kriteri-kriteria seperti mana dalam tuntutan agama, individu yang bekerja seharusnya lebih berwibawa dan menjadi orang yang sentiasa dalam ketenangan. Oleh yang demikian, penelitian terhadap hukum-hukum dalam pekerjaan sewajarnya didedahkan dan dihayati oleh masyarakat terutamanya anak-anak muda yang baru melangkah ke alam pekerjaan. Selain itu, perbincangan dalam kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah ini mampu menjadi satu rujukan buat pekerja Muslim sebagai usaha menghidupkan penghayatan nilai Islam dalam pekerjaan. Maka sebagai individu yang beragama perlulah memahami hak-hak dalam pekerjaan dan juga memenuhi kriteria pekerja yang dituntut agar pekerjaan yang dilakukan dikira sebagai jihad dan mendapat keberkatan rezeki oleh Allah SWT.

## **PENGHARGAAN**

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), melalui nombor projek FRGS/1/2021/SS10/UMT/02/1 (59669), dan disokong oleh Kementerian Pendidikan dan Universiti Malaysia Terengganu.

## **RUJUKAN**

Al-Quran

---

- Abdul Hayyie dan Kamaluddin Nurdin. (2000). *Hukum Tata Negera dan Kepimpinan dalam Takaran Islam*. Jakarta: Gema Insani.
- Ahmad Mubarak Al-Baghdadi. (1981). *The Political Thought of Abu Al-Hasan al-Mawardi*. University of Edinburgh.
- Ajib Ismail. (2021). *Tuntutan rajin kerja*. Retrieved from: <https://www.hmetro.com.my/addin/2021/05/700941/tuntutan-rajin-kerja>
- Alfoe Niam Alwie. (t.t). *Konstruksi Filsafat Sosial Al-Mawardi*. *Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam*. Vol 6, No 2, Desember 2012.
- Al-Mawardi. (1989). (trj. Fadli Bahri, Lc) *Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah ad-Diniyyah*. Maktabah Dar Ibnu Kutaibah, Kuwait.
- Al-Qurtubi. (2007). *Tafsir Al-Qurtubi*. (trj. Akhmad Khatib). Jakarta: Pustaka Azzam. Jilid 17.
- Arifin Zainal. (1985). *Pekerja dan Pekerjaan: Pendekatan Psikologi Personel*. Selangor: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Armansyah Walian. (2013). *Konsepsi Islam Tentang Kerja: Rekonstruksi Terhadap Pemahaman Kerja Seorang Muslim*. An-Nisa'a. Vol 8., 77.
- Asadullah Yate. (t.t). *The Ordinance of Government*. London: Ta-Ha Publisher Ltd.
- Azlim Zainury. (2021). *Suhakam Kecewa Majikan Pukul Pekerja Kerana Puasa*. Retrieved from: <https://www.sinarharian.com.my/article/133807/berita/nasional/suhakam-kecewa-majikan-pukul-pekerja-kerana-puasa>
- Fahmi Azril. (2018). *MAH Tiada Kuasa Tentu Kod Pakaian Pekerja Hotel*. Retrieved from: <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20180128/282136406842826>
- Halina Mohd Noor, Wan Noor Hayati Wan Alias dan Dawn Chan. (2019). *JTK siasat dakwaan kilang larang pekerja solat*. Retrieved from: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/08/591497/jtk-siasat-dakwa-kilang-larang-pekerja-solat>
- Hazim Ahmad. (2018). Ulasan Buku. *The Malaysian Journal of Islamic Science*.
- Ibnu Katsir. Tafsir Ibnu Katsir*. (2003). (trj. M. Abdul Ghoffar dan Abu Ihsan al-Atsari). Jakarta: Pustaka Imam Asy- Syafi'i. Jilid 4, 6, 7, 8.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Kementerian Wilayah Persekutuan. (2019). *Arahan Pentadbiran Bilangan 2 Tahun 2019*.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin. (2012). *Hak-Hak Non-Muslim Dalam Pentadbiran Negara Menurut Al-Mawardi (The State's Administration Rights of Non-Muslim According to Al-Mawardi)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Amin. (2016). *Pemikiran Politik al-Mawardi*. *Jurnal Politik Profetik*. Vol 04, No. 2 Tahun 2016.
- Mumtaz Begam Abdul Kadir. (2010). *Kerja Bukan Kerana Pangkat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Naemah Hamzah. (2015). *Aplikasi Amalan Fiqh Sains Rumah Tangga Dan Kerjaya Dalam Kalangan Akademis Wanita Cemerlang*.
- Nazdy Husin. (2022). *2 bomba dibuang kerja masalah disiplin, 7 lagi menyusul*. Retrieved from: <https://www.msn.com/en-my/news/berita/2-bomba-dibuang-kerja-masalah-disiplin-7-lagi-menyusul-metrotv/ar-AA10p8DG>
-

- Nur Ezzati Anizam, Iffah Hanani Basorudin dan Wirda Azlan. (2023). *Haiwan Fasiq Menurut Perspektif Al Quran Dan As Sunnah*. E Prosiding Kertas Kerja: Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4 (ARIF 2023)
- Nurhidayah Marzuki. (2015). *Etika Kerja Islam Dalam Pengurusan Insan*. Social Science Postgraduate International Seminar (SSPIS) 2015.
- Portal Rasmi Pejabat Mufti wilayah Persekutuan. (2019). *Hak Pekerja dalam Islam*. Retrieved from: <https://muftiwp.gov.my/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/3562-bayan-linnas-siri-ke-196-hak-pekerja-dalam-islam>
- Portal Rasmi Pejabat Perdana Menteri. Retrieved from: <https://www.pmo.gov.my/ms/mengenal-kami/kod-etika/>
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Shamsiah Mohamad, Paizah Ismail dan Nor Hayati Mohd Dahlal. (2010). *Konsep Fiqah Malaysia Dalam Perundangan Islam: Satu Pengenalan*. (Vol. 28, 2).
- Rashda Diana, Siswanto Masruri & Surwandono. (2018). *Etika Politik dalam Perspektif al-Mawardi*. Jurnal TSAQFAH, Vol 14, No 2.
- Razaleigh Kawangit. (2014). *Etika Kerja dan Perkhidmatan Islam: Definisi Dan Pemahaman*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rumaizuddin Ghazali, Mahazan Abdul Mutalib dan Ahmad Najaa' Mokhtar. (2012). *Etika Kepimpinan Menurut Pandangan al-Mawardi Menerusi Buku al-Ahkam al-Sultaniyyah Wa al-Wilayat al-Diniah*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sarina Aini dan Fadillah Mansor. (2007). *Keperluan Motivasi Dalam Pengurusan Kerja Berkualiti Dari Perspektif Pemikiran Islam*. Jurnal Usuluddin, Bil 25 [2007].
- Shaik Abdullah Hassan Mydin, Abdul Salam Muhammad Shukri dan Mohd Abbas Abdul Razak. (2020). *Peranan Akhlak Dalam Kehidupan: Tinjauan Wacana Akhlak Islam*. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin 21(1).
- Shukeri Muhammad. (t.t). *Kepimpinan Islam: Satu Agenda Pembangunan Ummah*. Jurnal Usuluddin.
- Solahuddin dan Zarrina. (2018). *Tuntutan Bekerja Dalam Kehidupan Beragama Berdasarkan Perspektif Islam*. Jurnal Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah.
- Unit Integrity JPM. (2023). *Batas Pergaulanku*
- Wahbah Az-Zuhaili. (2007). *Fiqh Islam Adillatuhu*. (trj. Abdul Hayyie al-Kattani) Indonesia: Perpustakaan Nasional: Katalog dalam Terbitan (KDT). Jilid 4.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf dan Abdul Fatah Shahrudin. (2012). *Pendidikan Menurut Al-Quran dan Sunnah Serta Peranannya dalam Memperkasakan Tamadun Ummah*. Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 7-22
- Zubir Sulaiman. (2020). *Bekerja dari rumah tidak semudah disangka*. Retrieved from: <https://www.sinarharian.com.my/article/107610/suara-sinar/analisis-sinar/bekerja-dari-rumah-tidak-semudah-disangka>